

# Program penanaman pokok menghijaukan UMS

OLEH: YATIM TAUBATAL  
ANDAM

NST 29.11.2012 18

SEMBILAN PULUH dua tahun lagi dari sekarang, seorang murid sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SR-JCK) Lok Yuk Menggatal, Mohd Nuruddyn Hafiz Haridyn, barulah berkesempatan melihat anak pokok balak yang ditanamnya membesar dan matang di kawasan cerun bukit Universiti Malaysia Sabah.

Mohd Nuruddyn, 8, adalah anak kepada Pensyarah Geografi, Sekolah Sains Sosial UMS, Jurry Foo, yang menyertai program menanam anak pokok kayu anjuran universiti di kawasan UMS pada awal November lalu.

"Saya teruja kerana ikut menanam anak pokok kayu ini dan berharap ia berguna kepada alam sekitar kita," katanya yang mungkin menanam anak pokok jenis Eusideroxyion zwageri (belian) atau Shorea parvifolia (seraya punai), sambil ditemani ibunya.

Dia adalah antara kira-kira 20 murid atau pelajar sekolah menengah di kawasan ibu negeri yang menyertai ibu bapa mereka yang bertugas di UMS untuk menjayakan program itu.

Program anjuran Institut Biologi Tropik adan Pemuliharaan (IBTP) diketuai oleh Pengarahnya, Dr Abdul Hamid Ahmad.

Menurut beliau, sejak 2010, IBTP menanam kira-kira 3,500 anak pokok kayu balak tempatan, antaranya Eusideroxyion zwageri (belian), Hopea sangal (gagil), Shorea pauciflora (obah suluk), Shorea parvifolia (seraya punai), Shorea fauetiana (seraya kuning siput).

Shorea argentifolia (seraya daun mas), Parashorea tomentella (urat mata beludu), Aquilaria malaccensis (gaharu), Vatica albiramis (resak putih), Shorea tallax

*"Program ini akan menjadi daya tarik kepada UMS, terutama selepas pokok-pokok yang ditanam ini sudah membesar, bukit UMS ini akan menjadi satu hutan di tengah bandaraya Kota Kinabalu. Para pelawat boleh melawat serta mempelajari tentang pelbagai spesies pokok balak tempatan,"*  
-Dr Abdul Hamid Ahmad-


(seraya daun kasar), Anisoptera costata (pengiran kesat), Shorea macroptera (seraya daun melantai) dan Dryobalanops lanceolata (kapur paji).

Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), Dr Abdul Hamid Ahmad, kebanyakan program penanaman itu membabitkan kawasan perbukitan UMS kerana ia akan dikekalkan sebagai kawasan hijau, selain menjaga kejernihan air dan

kerosakan tanah.

"Menerusi program ini, kami memang mahu ia membabitkan pegawai dan kakitangan UMS dan anak masing-masing, antara lain memupuk semangat cintakan alam sekitar di kalangan mereka," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, jika keadaan mengizinkan, pihaknya juga akan meluaskan program ini yang membabitkan penyertaan sekolah-sekolah berhampiran UMS, supaya kesedaran



TURUT TANAM ... Pengarah IBTP, Dr. Abdul Hamid Ahmad (kanan) dan kakitangan UMS, Nordin Wahid turut menanam.



ANAK POKOK ... SA Kimberly Marios memegang dua anak pokok kayu sebelum ditanam. Dia di temani oleh ibunya, Mariana Koong

alam sekitar boleh dilaksanakan secara menyeluruh.

Menurutnya, dengan adanya pupuk lebih awal terhadap generasi muda, khususnya murid atau pelajar sekolah, akan melahirkan generasi masa akan datang yang perihatin terhadap kualiti persekitaran mereka, termasuk aspek kebersihan dan penguurusan sampah.

"Mereka juga akan diberi taklimat mengenai semua aspek berkaitan bencana alam, seperti tanah runtuh, air sungai yang tidak berkualiti yang disebabkan kelemahan mengurus alam sekitar," katanya.

Sementara itu, penyelar program yang juga Kurator IBTP, Petherine Jumbau berkata untuk program penanaman pokok pada 1 November lalu, yang disertai kira-kira 64 kakitangan UMS serta anak mereka dan

telah menanam kira-kira 359 anak pokok pelbagai jenis.

"Kebanyakan anak pokok di perolehi daripada Infapro, Lahad Datu. Dan kami menjangkakan tumbesaran bagi kebanyakan pokok itu antara 3 hingga 10 tahun. Ia juga menjadikan satu produk kajian kepada UMS pada masakan datang" katanya.

Menurutnya, memang program berkenaan akan menjadi daya tarik kepada UMS, terutama selepas pokok-pokok yang ditanam ini sudah membesar, bukit UMS ini akan menjadi satu hutan di tengah bandaraya Kota Kinabalu. Para pelawat boleh melawat serta mempelajari tentang pelbagai spesies pokok balak tempatan.

Selain itu, Petheerine juga berkata UMS mungkin satu-satunya universiti di negara ini yang melaksanakan projek berkenaan.